

Abang Belon: Polis tunggu arahan Peguam Negara

KUALA LUMPUR – Polis masih menunggu keputusan Jabatan Peguam Negara bagi tindakan lanjut berhubung insiden pergelutan antara peniaga belon dan penguat kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pada 28 Mac lalu.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Rusdi Mohd Isa, berkata kertas siasatan dibuka mengikut Seksyen 186/325/506/505(b) Kanun Keseksaan dan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

“Seksyen 505(b) dan Seksyen 233 membabitkan dua tangkapan tapi masih belum ada keputusan.

“Seorang suspek tidak direman kerana mengalami masalah sakit jantung serius manakala seorang lagi direman dua hari sebelum dibebaskan dengan jaminan polis.

“Polis turut merampas telefon bimbit suspek kedua dan dihantar ke makmal bagi tindakan lanjut,” katanya ketika sidang akhbar di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kuala Lumpur di sini pada Jumaat.

Beliau berkata, polis masih belum menerima laporan penuh perubatan peniaga belon terbabit.

“Laporan perubatan ada prosedur operasi standard (SOP) dan mengambil masa tertentu untuk disiapkan. Jika ada keterangan, ia boleh dijadikan pertimbangan untuk membuat keputusan,” ujarnya.



RUSDI